

**TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SIMPOSIUM ZERO CHILD ABUSE:
MEMBUDAYAKAN SIFAR PENDERAAN
KANAK-KANAK DI TASKA**

**25 JULAI 2026 (SABTU)
8.55 PAGI
AUDITORIUM ANGKASA**

Assalamualaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi

(Salutasi)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi
kesyukuran saya panjatkan ke hadrat

Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam **Simposium Zero Child Abuse: Membudayakan Sifar Penderaan Kanak-Kanak di TASKA** pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM)** serta **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** atas penganjuran program yang signifikan ini di bangunan ANGKASA.

Hadirin yang saya hormati

3. Dalam usaha kita membina sebuah masyarakat yang lebih prihatin dan bertanggungjawab, aspek perlindungan terhadap golongan kanak-kanak perlu diberikan perhatian yang serius. Allah SWT telah

mengingatkan kita dalam **Surah An-Nisa' ayat 9**

“Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran).”

4. Ayat ini memberikan satu mesej yang besar bahawa anak-anak merupakan tanggungjawab bersama seluruh masyarakat. Mereka memerlukan persekitaran yang selamat, kasih sayang dan perlindungan agar dapat membesar sebagai insan yang berkualiti.

Hadirin yang saya hormati

5. Isu penderaan kanak-kanak bukanlah satu isu yang boleh dilihat sebagai masalah individu atau berlaku dalam ruang yang terhad sahaja. Ia merupakan satu isu kemanusiaan dan isu negara yang memerlukan perhatian, kesedaran serta tindakan secara menyeluruh daripada semua pihak. Setiap kes penderaan yang berlaku bukan sahaja memberi kesan kepada fizikal dan emosi kanak-kanak malah boleh meninggalkan trauma yang panjang serta memberi implikasi kepada pembentukan generasi masa hadapan.
6. Dalam konteks ini, peranan TASKA amatlah besar dan tidak boleh dilihat sekadar sebagai tempat penjagaan kanak-kanak ketika ibu bapa keluar bekerja. TASKA merupakan salah satu institusi awal yang memainkan

peranan penting dalam membentuk perkembangan seorang kanak-kanak khususnya pada fasa kehidupan yang paling kritikal.

7. Pada peringkat inilah nilai, emosi, keyakinan diri dan asas pembentukan karakter mula berkembang. Oleh itu, persekitaran TASKA mestilah sentiasa kondusif, selamat dan dipenuhi dengan elemen kasih sayang serta pendidikan yang berkualiti.

Hadirin yang dihormati,

8. Agenda Zero Child Abuse atau sifar penderaan kanak-kanak tidak seharusnya dilihat hanya sebagai satu slogan atau kempen bermusim. Sebaliknya ia perlu menjadi satu budaya kerja yang diterapkan dalam setiap organisasi dan institusi penjagaan kanak-kanak. Budaya ini perlu disokong dengan sistem pengurusan yang baik, pematuhan

kepada prosedur operasi standard (SOP), pemantauan yang berterusan serta tahap akauntabiliti yang tinggi daripada semua pihak yang terlibat.

9. Dalam hal ini, ANGKASA sebagai badan induk gerakan koperasi negara turut melihat isu pembangunan manusia sebagai satu perkara yang sama penting dengan pembangunan ekonomi. Walaupun koperasi sering dikaitkan dengan aktiviti ekonomi dan keusahawanan, hakikatnya gerakan koperasi sentiasa bergerak berteraskan nilai kemasyarakatan, kebersamaan dan tanggungjawab sosial. Koperasi tidak hanya membina kekuatan ekonomi anggota, tetapi turut memainkan peranan dalam menyokong agenda pembangunan sosial negara.
10. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **PPBM, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan**

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta semua agensi dan pihak berkepentingan yang terus memainkan peranan dalam memastikan kebajikan kanak-kanak sentiasa diberikan keutamaan. Usaha sebesar ini tidak boleh digalas oleh satu organisasi sahaja. Ia memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, badan bukan kerajaan, pengusaha TASKA, ibu bapa dan seluruh masyarakat.

11. Kepada semua peserta simposium ini, saya berharap agar ilmu, pandangan dan pengalaman yang dikongsikan sepanjang program ini dapat dibawa pulang dan diterjemahkan dalam tindakan sebenar. Jadikanlah setiap TASKA sebagai tempat yang bukan sahaja selamat dari segi fizikal, tetapi juga menjadi ruang yang memberikan kasih sayang, rasa dihargai dan peluang terbaik kepada setiap kanak-kanak untuk berkembang.

12. Marilah kita bersama-sama memperkukuhkan tekad bahawa usaha mencapai **sifar penderaan kanak-kanak bermula dengan sifar kompromi terhadap sebarang bentuk pengabaian, kecuiaan atau tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan mereka**. Setiap individu mempunyai peranan, dan setiap tindakan kecil yang kita lakukan mampu membawa perubahan besar dalam kehidupan seorang kanak-kanak.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada PPBM dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan **Simposium Zero Child Abuse: Membudayakan Sifar Penderaan Kanak-Kanak di TASKA** ini. Semoga program ini menjadi platform penting dalam meningkatkan kesedaran, memperkukuhkan kerjasama serta melahirkan pengurusan TASKA yang lebih profesional dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.